

27/02/2001

Globalisasi harus lebih adil kepada semua

SEORANG ahli ekonomi antarabangsa baru-baru ini menolak mitos idea yang menyatakan globalisasi dan liberalisasi perdagangan adalah satu ancaman kepada kedaulatan sesebuah negara. Sebaliknya, Dr Frank Flatters, seorang profesor ekonomi dari Universiti Queen, Kanada, mempertahankan dasar domestik memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada sesebuah negara mendapat faedah atau menderita daripada kuasa globalisasi. Adalah jelas kenyataannya yang senada dengan apa yang selama ini dicanangkan oleh fundamentalis Barat, terselit pelbagai muslihat. Dengan berpegang kepada konsep liberal, mereka sebenarnya mencanangkan soal kebebasan menurut perspektif mereka sendiri tanpa menghiraukan kesannya kepada negara lain.

Selama ini pun, manifestasi globalisasi sememangnya lebih menguntungkan negara maju dan kaya-raya tetapi meringgirkan negara membangun yang miskin. Kebebasan bertopengkan liberalisasi atau globalisasi, memberikan mereka hak untuk mengambil kesempatan menekan atau menindas. Syarikat besar akan menguasai syarikat kecil, orang kaya mengambil kesempatan ke atas orang miskin dan negara besar menelan negara kecil, khususnya dalam soal ekonomi dan kewangan dengan menjadikan perdagangan bebas dan dana bantuan sebagai senjata bagi menguasai sesebuah negara. Bukan sedikit teguran dibuat terhadap ketidakadilan globalisasi, termasuk oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang mewakili suara dunia ketiga tetapi Barat memilih untuk terus memekakkan telinga.

Globalisasi yang dihajati harus membawa kebaikan kepada semua orang di segenap pelosok dunia. Seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi di ibu negara semalam, sudah tiba masanya dunia mempunyai satu proses globalisasi baru - bukan saja berusaha memenuhi keperluan yang kaya-raya tetapi bekerja lebih keras untuk membantu mereka yang miskin. Globalisasi baru yang disarankannya diwujudkan dalam order baru dunia, hendaklah lebih menekankan unsur kemanusiaan, bukan lagi dikuasai tamak haloba untuk mengaut keuntungan. Pada ketika Barat akur dengan keperluan itu, persoalan yang timbul ialah sama ada mereka bersedia untuk mengubah pendirian sedangkan selama ini pun mereka tidak menunjukkan tanda-tanda akan berbuat demikian.

Saranan Dr Mahathir bahawa globalisasi juga perlu mengambil kira kesannya kepada negara lemah dari segi teknologi dan kewangan, sebenarnya amat berasas. Sewajarnya negara kecil dan lemah perlu diberi kelebihan lain atau kelonggaran bagi membolehkan mereka bersaing secara adil dengan negara kaya. Membiarkan negara seperti ini dalam keadaan serba kekurangan samalah juga dengan merelakan negara terbabit terus ketinggalan dan tertindas. Tambahan pula, konsep globalisasi sekarang lebih banyak memusnahkan daripada membawa faedah. Banyak pertubuhan antarabangsa dan Bank Dunia dikuasai oleh beberapa negara dan tidak memikir untuk berkongsi kuasa dengan negara lain. Sambil itu, semakin banyak pula tekanan dan serangan ke atas ekonomi negara lemah oleh kuasa besar. Inilah paradigma baru yang harus diperjuangkan agar globalisasi benar-benar memberi manfaat dan bukan sebaliknya.

(END)